

2009 (EU)

SD Card Camcorders

SDR-S26

SDR-S15

SDR-SW21

HDD Camcorders

SDR-H90

SDR-H80

Siaran akhbar

Kamkoder Kad SD

SDR-S2

Kamkoder HDD

SDR-H90/SDR-H80

Panasonic Memperkenalkan Tiga Model Kamkoder Terbaru dengan lensa zoom optik kuasa 70x yang terbaik dalam industri dan *Advanced O.I.S* untuk mendapatkan imej yang dinamik, tidak kabur dan fungsi auto pintar (iA).

Kelajuan menukar media rakaman dari DVD/MiniDV pada memori kad SD dan cakera keras.

Kamkoder SDR-S26 Kad SD dan kamkoder SDR-H90/ SDR-H80HD mempunyai kuasa zoom optik 70x untuk merakam pergerakan dan ekspresi subjek yang jauh dengan mudah. Mempunyai kapibiliti melebihi lensa 50x yang biasa, zoom optik ultra 70x, menarik subjek untuk merakam imej yang dinamik, jika subjek itu berada pada jarak yang dekat. Fungsi terbaru iaitu "*Advanced O.I.S*" (penstabil imej optik) mengurangkan gegaran pada tangan untuk membolehkan pengguna merakam imej pada jarak yang dekat dengan kejelasan dan tahap yang baik pada setiap masa. Ketiga-tiga model juga mempunyai fungsi auto pintar (iA) yang telah diketahui ramai kerana fungsinya yang memudahkan operasi. Fungsi auto pintar (iA) secara automatik menetapkan mod "*Scene*" mengikut kesesuaian keadaan. Model S26 dan H80 didatangkan dengan empat jenis warna, mengikut citarasa peribadi.

*dari 7 Januari 2009

**Kamkoder kad SD
SDR-S15/ SDR-SW21**

Dua kamkoder kad SD terbaru yang menyerlahkan citarasa pengguna. Model S15 dengan fungsi auto pintar (iA) memudahkan rakaman video, dan model SW21 mempunyai bentuk yang tahan lasak dan struktur kalis air sedalam 2 meter.

Model SDR-S15 adalah sebuah model yang bergaya, padat dan mudah untuk dibawa ke mana sahaja. Ia juga mempunyai fungsi auto pintar (iA) untuk operasi yang sangat mudah dan juga rakaman filem gambar yang sangat menarik. Model SDR-SW21 ialah sebuah model yang tahan lasak dan padat. Ia juga kalis air sedalam 2 meter, yang boleh digunakan untuk aktiviti laut dalam, berprestasi kalis gegaran yang tahan lasak walaupun kamera tersebut jatuh setinggi 1.2 meter dan struktur bentuk yang kalis habuk. Reka bentuk kamkoder yang tahan lasak ini menjadikan ia ideal untuk pengguna yang aktif merakam penggambaran aktiviti luar dan lasak. Kedua-dua model menggunakan kad memori SDHC/SD sebagai media rakaman, dengan reka bentuk yang kecil dan ringan, mudah untuk dibawa ke mana sahaja. Model ini memudahkan rakaman video yang fleksibel untuk percutian dan kegunaan seharian yang membezakan model ini dari model kamkoder yang biasa. Kedua-dua model ini didatangkan dengan tiga pilihan warna yang bersesuaian dengan keutamaan pengguna.

Kelima- lima model iaitu H90/80, S26, S15, dan SW21 didatangkan dengan “*Software VideoCam Suite*”, yang memudahkan pengguna untuk memasukkan video ke dalam “*Youtube*”. Sekali lagi, kamkoder Panasonic mengeluarkan model dengan reka bentuk yang unik yang dapat membuatkan sesi fotografi pengguna lebih menyeronokkan.

*Nama dan logo Youtube merupakan hakcipta terpelihara Youtube LLC.

Kamkoder kad SD. (SDR-S26/SDR-S15/SDR-SW21)

Model berikutnya menggunakan kad memori SDHC/SD (pilihan) sebagai media rakaman untuk kegunaan seharian yang mudah. Digabungkan dengan ketahanan kesan luaran yang kuat, kamkoder yang tahan lasak ini, mudah untuk dibawa ke mana sahaja untuk rakaman video yang lebih menyeronokkan. Dengan ciri-ciri dan fungsi Panasonic yang unik, ia dapat menambah keseronokkan kepada pengguna.

Model S26 ini menggabungkan sistem “*Advanced O.I.S*” dan lensa zoom optik 70x. S26 ini dapat merakam dengan terang, dan dinamik untuk subjek yang jauh tidak kelihatan kabur. Model S15 adalah sebuah model yang padat, bergaya yang sesuai untuk dimuatkan ke dalam poket. Ia juga sesuai untuk rakaman yang berlaku secara kebetulan. Dengan fungsi auto pintar (iA), model S26/215 mudah untuk merakam filem gambar tanpa perlu mengubah apa-apa penetapan. Model SW21 adalah sebuah model “*Triple Tough*” yang unik dan serba boleh. Model SW21 ialah sebuah model yang tahan lasak dan padat. Ia juga kalis air sedalam 2 meter, yang boleh digunakan untuk aktiviti laut dalam, berprestasi kalis gegaran yang tahan lasak walaupun kamera tersebut jatuh setinggi 1.2 m dan struktur bentuk yang kalis habuk. Reka bentuk kamkoder yang tahan lasak ini menjadikan ia ideal untuk pengguna yang aktif merakam aktiviti fotografi di luar.

- Inclusion of an SDHC/SD memory card varies by market.

*kalis air : IEC 60529 IPX8, kalis getaran : MIL-STD-810 METHOD 516.5 getaran,

Kalis habuk : IEC 60529 IP5X

**Kamkoder HDD
(SDR-H90/ SDR-H80)**

Model H90/H80 dapat merakam ke dalam kad memori SDHC/SD atau "hard disk" dalaman. Apabila kad memori 32 GB SDHC (pilihan) digunakan, ia menyediakan tambahan ruang penyimpanan selama 26 jam dan 40 minit (dalam mod LP) untuk video rakaman. Kedua-dua model ini juga, menjaga data dengan baik. Kad memori SDHC/SD, tidak memerlukan sistem jentera mekanisme. Terdapat juga "Anti Shock Field" yang membantu dalam menjaga cakera keras (hard disk) yang sedia ada daripada kesan luaran. Dengan masa rakaman yang panjang dan reka bentuk yang tahan lasak, model kamera ini sangat sesuai untuk merakam video dalam jangka masa yang lama. Kombinasi "Advanced O.I.S" dan lensa zoom optik 70x memastikan imej yang terang dan tidak kabur walaupun subjek berada pada jarak yang dekat. Fungsi auto pintar (iA) juga dapat merakam gambar cantik tanpa perlu mengubah penetapan yang sedia ada. Tambahan lagi, kedua-dua model mempunyai fungsi yang memudahkan proses salinan rakaman dari kad memori SD atau cakera keras kepada cakera DVD. Hanya dengan menyambungkan kamkoder pada VW-BN1 "DVD Burner" (pilihan). Tidak perlu menggunakan komputer. Cakera DVD yang dicipta sebegini, mudah untuk ditonton menggunakan pemain cakera padat DVD.

**Zoom Optik 70x [Terbaru]
(S26/H90/H80)**

Lensa zoom optik berkuasa 70x, boleh digunakan dengan system "Advanced O.I.S". Pembetulan optikal yang boleh digunakan untuk menghilangkan kesan getaran tangan, walaupun subjek telah didekatkan pada magnifikasi yang maksimum. Dengan itu, imej dapat dilihat dengan terang dan jelas dalam filem gambar dan kedua-dua gambar.

Advanced O.I.S (Penstabil Imej Optik) (S26/H90/H80)

Apabila “gyrosensors” dapat mengesan getaran tangan, “Advanced O.I.S” menukar lensa untuk membetulkan optik axis. “Advanced O.I.S” juga dapat mengulang proses pengesanan dan pembetulan sebanyak 4,000 kali sesaat. Prestasi pembetulan imej yang menakjubkan ini, dapat membuat imej kelihatan lebih terang dan dinamik. Tidak sama, dengan sistem penstabilan imej elektronik. Ia juga kerana sistem ini ialah optikal dan tidak mungkin kualitinya akan terjejas. Tambahan lagi, imej tidak akan berubah daripada imej yang sebenar.

Auto pintar (iA) [Terbaru] (S26/S15/H90/H80)

Fungsi auto pintar (iA) dapat mengesan kesesuaian mengambil gambar dan secara automatik memilih mod yang sesuai untuk digunakan. Fungsi yang diaktifkan adalah “Advanced O.I.S” yang dapat mengurangkan getaran untuk mengurangkan imej yang kabur dan “Face Detection” pula dapat mengubah kecerahan dengan menukar gambar imej yang ditangkap kelihatan cantik dan jelas. “Intelligent Scene Selector” juga terdapat di dalam mod ini. Ia dapat mengesan suasana yang sesuai untuk keputusan yang memuaskan.

*S15: Face Detection dan Intelligent Scene Selector sahaja.

Memasukkan Video ke dalam Youtube dengan mudah. [Terbaru] (S26/S15/H90/H80)

Fungsi yang menarik ini memudahkan pengguna untuk memasukkan klip video ke dalam “Youtube” dengan laju dan mudah untuk dikongsi dengan rakan-rakan diseluruh dunia. Pengguna hanya perlu memasukkan “VideoCam Suite”, yang terdapat di dalam kamkoder dan sambungkan kamkoder tersebut pada komputer dengan menggunakan “USB interface”. “Software” ini akan diaktifkan secara automatik. Seterusnya, pengguna hanya perlu mengikut prosedur biasa, untuk memasukkan video ke dalam “Youtube”.

*Rakaman video klip mesti dirakamkan dalam mod Web, untuk dimasukkan ke dalam Youtube.

Reka Bentuk Yang Tahan Lasak.

(SW21)

Kalis Air sedalam 2 meter [Terbaru]

Reka bentuk yang kalis air ini, direka. Ia mengambil kelebihan ke atas kad memori SDHC/SD yang kalis air, yang membolehkan pengguna menggunakan SW21 di dalam air sedalam 2 meter. SW21 juga boleh digunakan untuk aktiviti laut dalam, ini membolehkan pengguna merakam gambar aktiviti “*snorkelling*” di laut dalam. SW21 juga sesuai digunakan untuk aktiviti luar yang aktif.

*IEC60529 IPX8 “Degrees of protection provided by enclosures (IP Code)”

Kalis Habuk Untuk Kegunaan Aktiviti Luar

Reka bentuk kalis habuk, menghalang habuk atau kekotoran daripada memasuki kamkoder. Ini membolehkan pengguna merakam gambar di tepi pantai atau di mana-mana yang sesuai tanpa perlu risau akan kekotoran yang akan merosakkan kamkoder.

*IEC60529 IPX8 “Degrees of protection provided by enclosures (IP Code)”

Kalis Getaran: Berprestasi Tahan Lasak, walaupun kamera jatuh setinggi 1.2m

Kad memori SDHC/SD tidak memerlukan sistem jentera mekanisme bukan seperti cakera keras atau cakera padat DVD. Ini dapat memberikan SW21 prestasi kalis getaran menahan daripada kerosakan apabila jatuh setinggi 1.2 meter.

*MIL-STD-810F METHOD 516.5 SHOCK

Penetapan Quick Star**(S26/S15/SW21/H90/H80)**

Setelah kamkoder diaktifkan, rakaman akan dimulakan dalam 0.6 (S15/SW21) atau 0.8 saat (S26/H90/H80). Ini untuk memastikan pengguna tidak akan terlepas peluang untuk merakam gambar.

Fungsi Penetapan Waktu Dunia**(S26/S15/SW21/H90/H80)**

Fungsi terbaru ini memudahkan pelancong kerana mereka tidak perlu mengubah penetapan masa apabila melalui zon waktu yang berlainan. Masa juga boleh ditetapkan untuk dua lokasi yang berbeza iaitu negara asal dan destinasi yang tertentu. Pengguna boleh menukar antara dua waktu tersebut, hanya dengan menekan butang tertentu.

Salinan Video kepada DVD dengan mudah.

Kebanyakan pengguna menggunakan kamkoder mereka untuk kegunaan utama iaitu merakam, menonton, dan arkib rakaman video. Kamkoder ini mempunyai segala fungsi yang direka untuk memudahkan pengguna. Dahulu, salinan rakaman video dari kad memori SDHC/SD atau cakera keras kepada cakera padat DVD melibatkan dua cara iaitu memasukkan data ke dalam komputer dan membuat salinan dari komputer terus ke dalam cakera. Dengan menyambungkan kamkoder kepada DVD "Burner" VW-BN1 (pilihan) menggunakan kabel USB, salinan rakaman video mudah ditukarkan pada cakera DVD 12-sm (DVD-RAM/-RW/-R/-R DL). Cakera itu juga boleh ditonton pada pemain DVD dan ulang tayang juga dapat ditonton dengan mudah.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Layari laman web: www.pmpressroom.com untuk muat turun siaran akhbar dan foto.

Perhubungan Media: Azizah Wahid

Penolong Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan

Tel: 03 7809 7876 Mobil: 019 217 2730

Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Siaw Yee Yen

Product Executive (Camcorder)

Digital Imaging Panasonic Malaysia

Tel: 03-7809 7690 Fax: 03-7955 2848 Mobile : 012-385 3808

Email: yeeyen.siaw@my.panasonic.com